


1 - 15 APRIL, 2025

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**SUNGAI DUA -** Loji Penyahairan Sungai Dua (SDDP) yang siap dibina dengan perbelanjaan RM20 juta akan menyelesaikan isu malar segar selama 16 tahun iaitu menyah air, memproses dan membuang sisa dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, tanpa menjejaskan alam sekitar dan dengan lebih kos efektif.

## Kitar semula sisa LRA Sungai Dua




KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan PBAPP merasmikan SDDP baharu LRA Sungai Dua di sini baru-baru ini.

Demikian ucapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi semasa merasmikan SDDP baharu LRA Sungai Dua di sini pada 23 Februari 2025.

"Sisa ini dikitar semula menjadi bata (binaan)… sisa jadi sumber, sumber jadi sisa, ini adalah ekonomi putaran.

"Aspek mengagumkan SDDP adalah ia mampu 'mengendali' sisa LRA pada kos RM145 setiap tan metrik (mt) yang (mana anggaran kos itu) jauh lebih murah daripada kos unjuran RM550/mt untuk pelupusan sisa LRA yang belum diproses.

"Mengambil kira jumlah besar sisa LRA yang dijana di LRA Sungai Dua setiap tahun, penjimatan kos pelupusan sisa adalah antara RM60 juta hingga RM70 juta setahun mulai tahun 2025," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Sejak tahun 2009, difahamkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menggesa semua operator bekalan air negara termasuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk melupuskan sisa LRA di 'Tapak Pelupusan Sanitari Kelas 4'.

Kon Yeow menyatakan, pihaknya dimaklumkan bahawa hampir semua LRA di tanah air ini tidak mematuhi gesaan JPS tersebut kerana melibatkan kos pelupusan yang tinggi.

"Pada tahun 2021, dianggarkan semua LRA di Malaysia menjana sejumlah 5,500 mt sisa setiap hari atau kira-kira 2.1 mt setahun.

"Pada tahun 2024, jika PBAPP mematuhi peraturan JAS, ia akan menanggung kos tambahan lebih daripada RM90 juta setahun untuk meluluskan kira-kira 450 mt sisa yang belum diproses dari Sungai Dua dengan anggaran kos RM550 setiap mt.

"Tambahan kos bekalan air RM90 juta ini sudah pasti akan 'dipindahkan' kepada pengguna air Pulau Pinang dalam bentuk kadar air yang jauh lebih tinggi," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menjelaskan SDDP dibina oleh Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. (AAK) iaitu sebuah syarikat pengurusan sisa berjadual dan rawatan air sisa di LRA Sungai Dua serta tidak melibatkan kos tanah.

Tambah Kon Yow, PBAPP telah menandatangani kontrak bertempoh 15 tahun dengan AAK untuk memproses sisa di LRA Sungai Dua.

"PBAPP akan mengawasi operasi SDDP untuk memastikan kemudahan dan produk akhir mematuhi peraturan JAS.

"Saya ingin memuji PBAPP kerana melaksanakan penyelesaian sisa LRA hijau dan pintar yang menyokong aspirasi wawasan Penang2030," ulasnya lanjut.

Berucap sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. K. Pathmanathan memberitahu bahawa sejak tahun 2009, PBAPP memulakan projek kitar semula sisa di LRA Sungai Dua sebagai komponen pengeluaran bata tanah liat untuk memenuhi sektor pembinaan.

"Projek kitar semula ini secara teknikalnya berdaya maju dan memenangi anugerah, namun, permintaan pasaran terhadap produk akhir tersebut adalah perlahan.

"Hari ini, pada 2025, kapasiti rawatan reka bentuk maksimum LRA Sungai Dua telah dinaik taraf kepada hampir 10 kali ganda daripada kapasiti asal, 136 JLH (Juta Liter Sehari) kepada 1,342 JLH.

*(Sambungan di muka 2).*

# Perintis hasil bata sisa loji rawatan air



RUPA bentuk bata yang dihasilkan.




**G. Karthigayan (kiri sekali) dan B. Pavetiran (dua dari kanan) bersama-sama dua lagi kepimpinan Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. menunjukkan bata yang dihasilkan menggunakan sisa dari loji rawatan air.**



**ANTARA proses yang dijalankan.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**ALAM** Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. bakal menjadi syarikat pertama di negara ini yang mengkomersialkan bata yang diperbuat daripada sisa loji rawatan air.

Pihak berkaitan merupakan sebuah syarikat berpangkalan di Pulau Pinang, mempunyai kepakaran dalam pengurusan sisa berjadual serta rawatan air sisa dan telah beroperasi selama lebih 20 tahun.

Malah, mereka juga bertanggungjawab untuk menyelia operasi harian Loji Penyahairan Sungai Dua (SDDP), kemudahan tercanggih yang direka bentuk untuk menguruskan sisa yang dijana di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

SDDP yang telah siap dibina baru-baru ini akan beroperasi menyah air, memproses dan membuang sisa dari LRA Sungai Dua, tanpa menjejaskan alam sekitar dan dengan lebih kos efektif.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), **DATO' K. PATHMANATHAN** berkata bahawa kemudahan yang dibina dengan kos RM20 juta itu akan beroperasi di bawah seliaan PBAPP dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Pengurus Projek Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd., **G. KARTHIGAYAN** menjelaskan bahawa syarikat tersebut menggunakan teknologi pemerasan pemerasan yang canggih *(belt press)* untuk mengekstrak air daripada enap cemar serta bahan-bahan yang lain.

"Perbezaan antara bata konvensional dan bata kami adalah dari segi komposisi bahan.

"Bata tradisional diperbuat daripada pasir, simen dan air, manakala bata kami pula menggantikan sebahagian daripada bahan tersebut dengan enap cemar yang diproses daripada LRA Sungai Dua," jelasnya.

Beliau menekankan bahawa bata yang dihasilkan oleh Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. disahkan selamat selain mempunyai ketahanan api yang tinggi, ketumpatan lebih tinggi dan struktur yang lebih kuat.

"Kami tidak sabar untuk mengkomersialkan produk inovatif ini di seluruh negara khususnya bagi kegunaan industri pembinaan," katanya kepada Buletin Mutiara dalam sesi wawancara khas yang didakan dekat kilang Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. di Taman Perindustrian Bukit Minyak pada 24 Februari lalu.

Turut hadir semasa sesi wawancara tersebut ialah Pengarah Alam Aliran Kualiti Sdn. Bhd., **B. PAVETIRAN**.

Mengulas lanjut, Karthigayan menjelaskan bahawa sisa dari loji rawatan air akan diproses di SDDP terlebih dahulu sebelum dihantar ke kilang di Taman Perindustrian Bukit Minyak untuk diproses menjadi bata.

"Kami melihat peluang besar untuk industri pembinaan dengan produk ini kerana ia lebih menjimatkan kos, tekstur yang lebih ringan dan mesra alam.

"Kami telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sejak beberapa tahun lalu sebelum memutuskan untuk memulakan usaha ini," ulasnya.

Beliau turut menyatakan bahawa Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. menjangkakan untuk menghasilkan sehingga 65,000 unit bata setiap hari.

"Ini menandakan satu lagi kejayaan dalam usaha kami untuk menyokong penggunaan bahan binaan yang lebih mampan di negara ini," jelasnya lanjut.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Tanpa jejas alam sekitar

"Sehubungan itu, jumlah sisa yang dijana oleh proses harian loji telah meningkat secara mendadak (jadi) kami memilih untuk menangani isu sisa dari sudut yang berbeza.

"Operasi SDDP ini akan memastikan bahawa operasi rawatan air kami di Sungai Dua adalah lebih selamat dan mesra alam. Inilah arah tuju ke hadapan," katanya.

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo; dan Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyertai majlis perasmian operasi SDDP LRA Sungai Dua di sini.



**TEKNOLOGI pemprosesan sisa di SDDP.**

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SIEW CHIA EN**



S. Sundarajoo (barisan hadapan, lapan dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan penganjur, penaja dan para peserta Anugerah Sekolah Hijau 2024 dan Pertandingan Kitar Semula Toray 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Anugerah Sekolah Hijau semakin kompetitif

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan (SMK) Kampong Kastam dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Union menjulang Anugerah Sekolah Hijau 2024 masing-masing bagi Kategori Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Kedua-dua sekolah tersebut berjaya menewaskan 94 sekolah lain dalam pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2024 dan Pertandingan Kitar Semula Toray 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, **DATO' SERI S. SUNDARAJOO** berkata, sejak diperkenalkan pada 2010, program berkaitan pernah mencatat peningkatan penyertaan tertinggi pada tahun 2018 iaitu melibatkan 241 sekolah.

"Tidak dinafikan bahawa pertandingan ini semakin kompetitif, dan Kerajaan Negeri sedang mencipta impak besar dalam melindungi alam sekitar khususnya untuk generasi masa hadapan berkaitan usaha memelihara dan memulihara alam sekitar,'' katanya pada majlis penyampaian hadiah pertandingan berkaitan di sini 25 Februari lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Josephine Tan Mei Ling; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota merangkap Ahli Lembaga Pengarah PGC, Wong Yuee Harng; Wakil Toray Malaysia, Datuk Teh Hook Soon serta dif-dif kehormat lain.

Dalam pada itu, Mei Ling dalam ucapannya turut memaklumkan bahawa Anugerah Sekolah Hijau bakal diperkenalkan dengan Sistem Penarafan Bintang Sekolah Hijau untuk tahun 2025.

"Semasa kita melangkah ke fasa baharu ini, sistem yang ditambah baik ini akan berasaskan tiga tonggak utama iaitu pertama, menggalakkan pelajar untuk memimpin dalam inisiatif hijau; keduanya, menyediakan alat serta sumber untuk guru-guru bagi mengintegrasikan kelestarian dalam kurikulum sekolah ; dan ketiga adalah mengukuhkan hubungan antara sekolah dengan komuniti bagi mewujudkan impak kolektif.

"Saya yakin bahawa sistem baharu ini akan memastikan sekolah terus berinovasi sekali gus menetapkan penanda aras untuk kelestarian alam sekitar dalam pendidikan," jelasnya.

Sementara itu, Pengetua SMK Kampong Kastam, **R. SUGUMARAN** dan Guru Besar SJKC Union, **LOH MENG YIM** ketika ditemui teruja dan menganggap bahawa kejayaan tersebut sebagai pengiktirafan terhadap hasil usaha kolektif para guru, kakitangan, serta pelajar dalam memupuk budaya alam sekitar yang kukuh.

Bagi Sugumaran Rajendran, inisiatif hijau yang dilaksanakan di sekolah mereka bukan sekadar untuk memasuki pertandingan tetapi telah disemai dan sebati dalam diri setiap pelajar dan guru-guru.

"Kelestarian alam sekitar merupakan amalan harian di sekolah, pihak kami bukan menyertai untuk mendapat nama dan menang, tetapi ingin menunjukkan contoh bahawa ia merupakan satu budaya yang patut diterapkan.

"Di sekolah, setiap ruangan kelas diwajibkan mempunyai satu taman khas, jadi jika ada pelawat yang memasuki mana-mana kelas, pastinya akan disambut dengan kehijauan.

"Kemenangan ini juga merupakan kerjasama antara para guru dan pelajar jadi saya yakin konsep dan inisiatif 'Satu Kelas, Satu Taman' telah menjadi tunjang utama kejayaan ini," ulasnya sambil menyatakan hasrat sekolahnya untuk mempertahankan gelaran tersebut pada masa akan datang.

Begitu juga Meng Yim yang menyatakan bahawa SJKC Union sememangnya berdedikasi dalam memastikan kelestarian alam sekitar diterapkan sebagai salah satu nilai murni di sekolah.

"Pihak sekolah telah menyertai pertandingan ini beberapa kali dan kemenangan kali kedua ini telah membuktikan bahawa komitmen warga sekolah yang tidak berbelah bahagi.

"Justeru, kejayaan hari ini milik para guru, pelajar dan kakitangan yang telah bertungkus-lumus serta bekerjasama untuk menjadikan kemenangan ini satu realiti," jelasnya.



R. Sugumaran (dua dari kiri) bersama-sama pasukannya.



LOH Meng Yim (dua dari kiri) dan pasukannya menunjukkan hadiah pengiktirafan yang diterima.

# Program PENMentor bantu usahawan wanita




LIM Siew Khim (tengah) bersama-sama para peserta yang berjaya menamatkan program PENMentor 5.0.

Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**BAYAN LEPAS –** Program Penang Women Entrepreneur Mentoring (PENMentor) yang diperkenalkan sejak tahun 2020 telah berjaya membantu kira-kira 349 usahawan wanita di negeri ini.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa kejayaan tersebut diukur menerusi peningkatan purata jumlah jualan dicatatkan oleh usahawan wanita yang menyertai program tersebut.

"Terdapat peningkatan sebanyak 50 peratus dalam purata jumlah jualan dicatatkan oleh para usahawan wanita yang menyertai program PENMentor sebelum ini.

"Walaupun jumlah ini tidak sama bagi semua peserta tetapi apabila berlaku pergerakan pendapatan yang semakin meningkat, ini bermakna program ini memberi kesan positif dalam perniagaan.

"Pihak Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) selaku agensi bertanggungjawab akan mengukur jumlah jualan bagi setiap usahawan dan saya berharap agar ia akan terus meningkat," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Peserta PENMentor 5.0 anjuran PWDC di sini pada 23 Februari lalu.

Dalam program tersebut, seramai 46 usahawan wanita yang menyertai program PENMentor 5.0 menerima sijil pengiktirafan dan anugerah khas atas pencapaian masing-masing.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah PWDC, Dato' Seri S. Selvakumar dan Profesor Dato' Dr. Noraida Endut serta Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Dato' Ong Bee Leng.

Siew Khim menyatakan bahawa sasaran Kerajaan Negeri untuk mempunyai 40 peratus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Pulau Pinang dimiliki oleh usahawan wanita dapat dicapai menjelang tahun 2030.

"Ini bermakna, kita perlukan 100,000 usahawan wanita untuk mencapai sasaran tersebut, dan inilah tujuan kita memperkenalkan program PENMentor ini," katanya.

Dalam pada itu, menurut Bee Leng, program PENMentor diperkenalkan bertujuan menyediakan platform dan bimbingan yang diperlukan oleh usahawan wanita untuk meluaskan rangkaian dalam kalangan pemain industri.

"Saya percaya bahawa pemerkasaan wanita adalah kunci kepada kemajuan masyarakat dan ekonomi kerana wanita mempunyai potensi, kreativiti serta daya tahan yang luar biasa.

"Namun demikian, wanita sering berdepan cabaran yang mengehadkan keupayaan mereka untuk berkembang sebagai usahawan seperti kekurangan akses kepada pembiayaan, rangkaian, bimbingan dan pengetahuan perniagaan.

"Inilah tujuan PENMentor yang memainkan peranan penting dengan menyediakan bimbingan yang diperlukan oleh usahawan wanita untuk berkembang, membina rangkaian dan membuka laluan ke arah mencapai impian mereka," katanya.



PARA peserta PENMentor tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan bersama-sama pimpinan negeri dan PWDC usai majlis berkaitan di sini.

# Panggilan EOI projek pembangunan PIFC kini dibuka

**GEORGE TOWN -** Panggilan Penyataan Minat (*Request for Expressions of Interest*, EOI) bagi cadangan pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (*Penang International Financial Centre*, PIFC) dibuka mulai 17 hingga 26 Mac 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa cadangan pembangunan tersebut adalah selaras dengan peranan Pulau Pinang sebagai hab perdagangan serantau yang semakin meningkat terutama dalam sektor pembuatan dan teknologi.

"Pulau Pinang yang sering dikenali sebagai *'Silicon Valley of the East'*, berada dalam kedudukan baik untuk membangunkan ekosistem kewangan dinamik yang menyokong pertumbuhan industri terutamanya industri semikonduktor dan berteknologi tinggi.

"Maka, PIFC ini adalah bertujuan untuk menarik aliran dana untuk memajukan industri semikonduktor di Koridor Utara, selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS).

"Ia juga akan mengembang pelaburan yang diterajui oleh pemain industri (sekali gus) saling melengkapkan pusat kewangan sedia ada dalam negara dengan menarik sumber modal baharu untuk inovasi kewangan.

"Selain itu, PIFC juga dapat mempelbagaikan peluang pekerjaan terutama dalam sektor perkhidmatan profesional serta meningkatkan hasil negeri dan negara melalui peningkatan produktiviti secara keseluruhannya.

"(Dan) seterusnya, kita (Kerajaan Negeri) percaya ia akan merancakkan pertumbuhan sosioekonomi negeri Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media yang diadakan di Komtar pada 19 Mac 2025.

Hadir sama, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye dan Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memaklumkan bahawa sepucuk surat rasmi telah dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 13 Mac 2025.

"(Surat rasmi tersebut) menyatakan komitmen dan hasrat kami (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) untuk menubuhkan PIFC.

"Jadi, kami berharap mendapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan inisiatif ini (sekali gus) menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam inovasi kewangan dan pembangunan industri.

"Tambahan pula, ini merupakan sesuatu yang baharu untuk Pulau Pinang dalam usaha mempelbagaikan sektor tanpa hanya bergantung pada sektor elektrik dan elektronik (E&E) sahaja.

"Oleh itu, saya mempelawa mana-mana pihak yang berminat terutama pihak swasta yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dengan kedudukan kewangan yang kukuh untuk mengemukakan minat dan membantu menjayakannya (penubuhan PIFC)," jelasnya.

Difahamkan, dokumen EOI boleh diambil di pejabat *Penang Institute* di No. 10, Jalan Brown mengikut waktu pejabat dan semua cadangan perlu dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada 19 Mei 2025.

Terdahulu, pihak *Penang Institute* turut memuat naik suapan di laman *Facebook* rasminya berhubung perkara sama.

# Laluan Berkembar Pesisir Pantai Utara jangka mula tahun depan

**GEORGE TOWN** – Projek pembinaan Pakej 1 - Laluan Berkembar Pesisir Pantai Utara (NCPR) dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang dijangka mula pada tahun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan jajaran baharu serta cadangan terma komersial oleh syarikat pelaksana, Consortium Zenith Construction (CZC) Sdn. Bhd..

"Jajaran baharu ini adalah bagi mengelakkan kawasan kediaman yang padat di sepanjang Jalan Chee Seng, Jalan Chan Siew Teong, *Marvista*, *Beverly Hills* dan kawasan sekitar.

"Laluan ini akan bermula dari persimpangan Jalan Lembah Permai (Tanjong Bungah) dan melalui sepanjang pesisir pantai melepasi Masjid Daerah Timur Laut (Masjid Terapung), kemudiannya bersambung semula dengan laluan utama berhampiran *Shamrock*, menghubungkan Batu Ferringhi dan akan berakhir di Teluk Bahang.

"Projek ini dijangka dapat dimulakan pada tahun depan dan akan mengambil masa kira-kira lima tahun untuk disiapkan," katanya pada sidang media di sini 27 Februari lalu.

Menurut Kon Yeow, projek tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif struktur utama di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang bertujuan untuk meningkatkan kelancaran aliran trafik dan usaha mengurangkan kesesakan di negeri ini.




ILUSTRASI Pakej 1 - Laluan Berkembar Pesisir Pantai Utara (NCPR).

"NCPR akan menjadi laluan alternatif dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang yang dapat mengurangkan masa perjalanan daripada 30 hingga 45 minit kepada tujuh minit sahaja.

"Projek ini juga dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di sepanjang jalan sedia ada, di samping menjadi pemangkin pada pembangunan sosioekonomi di Batu Ferringhi dan Teluk Bahang," katanya.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memberitahu bahawa projek tersebut akan menelan kos kira-kira RM2.43 bilion dengan nilai pengambilan tanah dianggarkan berjumlah RM500 juta.

"Projek ini akan mengambil masa enam bulan untuk memuktamadkan reka bentuk terperinci sebelum perjanjian *sub-agreement* akan dimeterai.

"Selain itu, jajaran baharu projek ini juga memerlukan pindaan kajian Impak Alam Sekitar (EIA) yang dijangka mengambil masa kira-kira satu setengah tahun," ulasnya lanjut.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membiayai sebahagian pembinaan sepanjang 4.88 kilometer (km) dari Jalan Tanjong Bungah ke Jalan Sungai Emas melalui kaedah pertukaran tanah kepada pihak CZC Sdn. Bhd.

"CZC Sdn. Bhd. pula akan membiayai jajaran sepanjang 5.73km dari Jalan Sungai Emas ke Teluk Bahang, dengan kos ini dibayar melalui kaedah kontra pada kemajuan masa hadapan pihak CZC di Pulau Pinang.

"Perincian kos bagi kedua-dua bahagian pembinaan ini akan dimuktamadkan sekali dengan reka bentuk terperinci," jelasnya.

Hadir sama, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Zulkifli Long; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd., Dato' Seri Farizan Darus; Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd., Lim Hee Khoon; Ketua Pegawai Eksekutif Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd., Rohana Shariff dan Presiden (Projek dan Pembangunan) Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd., Lim Hooi Kooi.

Laluan Berkembar Pesisir Pantai Utara (Pakej 1) dengan jarak 10.61km merupakan projek kedua dimulakan selepas pelaksanaan Pakej 2 – Jalan Pintasan Air Itam ke Tun Dr. Lim Chong Eu yang kini telah mencapai lebih 73 peratus tahap pemajuan.

Jajaran berkaitan akan membabitkan jalan utama sepanjang 8.41km dan laluan pesisir pantai sejauh 2.2km. Ia akan merangkumi tiga persimpangan iaitu Jalan Sungai Emas dan Jalan Sungai 1, Jalan Batu Ferringhi (persimpangan berlampu isyarat – *Chin Farm*) dan Jalan Teluk Bahang.

## Terima kasih 17 tahun mandat perintah Pulau Pinang

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang yang telah memberi mandat selama 17 tahun kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) mentadbir negeri ini.

Menurut beliau, sepanjang tempoh tersebut, Kerajaan Negeri cuba melakukan yang terbaik demi kesejahteraan negeri Pulau Pinang.

"Selain Hari Wanita (hari ini), saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan saya kerana hari ini adalah ulang tahun ke-17 kami dipilih sebagai Kerajaan Negeri.

"Saya harap dalam 17 tahun ini, dengan jentera-jentera kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan wakil rakyat sendiri, telah menunaikan tanggungjawab kerana diberi mandat untuk memerintah Pulau Pinang.

"(Dan) mandat ini perlu diperbaharui setiap lima tahun, bukan automatik 20 atau 30 tahun, ini merupakan kali keempat kita memperoleh mandat daripada pengundi-pengundi," ujarnya pada Majlis Berbuka Puasa Anjuran Persatuan Muslim Kadayanallur (PMK) Pulau Pinang dan Anugerah Tokoh Wanita PMK di sini pada 8 Mac lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng; Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Tanjong, Lim Hui Ying; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato Ir. A. Rajendran dan barisan kepimpinan PMK.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota dalam pada itu mengajak semua pihak untuk bersama-sama terus memajukan Pulau Pinang selaras dengan mandat yang diperoleh.




KETUA Menteri menyampaikan Anugerah Tokoh Wanita PMK kepada Dr. Azlinah Mohd. Sulaiman (tengah) dalam satu majlis berbuka puasa persatuan tersebut baru-baru ini.

"Maka marilah kita meneruskan usaha-usaha memajukan negeri Pulau Pinang bersama-sama Kerajaan Persekutuan, badan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat jelata.

"Harap usaha ini akan diteruskan, saya juga berharap dalam 17 tahun ini tidak mengecewakan tuan-tuan dan puan-puan yang tidak putus-putus memberi sokongan kepada kami," ulasnya lanjut.

# PAWE Kebun Bunga pelbagaikan aktiviti warga emas

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **EDMUND LEE TATT WENG**



LIM Siew Khim (dua dari kiri) sambil ditemani Lee Boon Heng (tengah) dan barisan kepimpinan setempat menurunkan tandatangan sebagai simbolik perasmian PAWE Kebun Bunga di sini baru-baru ini.

**KEBUN BUNGA** - Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dekat Flat Padang Tembak di sini dilihat mampu mempelbagaikan lagi aktiviti warga emas di kawasan setempat.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa pembangunan PAWE merupakan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam menggalakkan aktiviti sihat dan cergas dalam kalangan warga emas.

"Setakat ini sudah ada sembilan PAWE di negeri Pulau Pinang, yang mana inisiatif tersebut menyediakan pelbagai aktiviti bersesuaian dengan warga emas dalam menjalani hidup aktif mereka.

"Matlamat kita adalah menyediakan satu pusat sehenti yang mampu memberikan satu perkhidmatan terbaik kepada golongan ini agar mereka tidak berasa terpinggir serta masuk ke dalam masyarakat sama seperti golongan lain.

"Selain itu, PAWE juga menjadi lokasi capaian bagi program-program bantuan seperti dilaksanakan oleh Sukarelawan Mutiara dalam menggalakkan penyertaan komuniti yang lebih inklusif,'' ujarnya ketika merasmikan PAWE Kebun Bunga dekat Flat Padang Tembak di sini pada 22 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Lee Boon Heng dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

Sementara itu, Boon Heng ketika berucap sebelum itu menyatakan bahawa antara cabaran utama komuniti warga emas di Padang Tembak adalah membabitkan insiden kematian mengejut.

"Sepanjang tempoh menjadi ADUN di kawasan ini, sudah ada tiga kes mati mengejut, jadi ini antara perkara yang perlu diberikan perhatian.

"Justeru, saya berharap PAWE akan menjadi pusat untuk mereka (warga emas) berkumpul, menjalankan aktiviti, kenal-mengenali, seterusnya saling membantu dan mengambil berat mengenai satu sama lain,'' ujarnya lanjut.



# Perluas rangkaian perniagaan




*FACTORY Dessert & Cafe yang terletak di Pusat Bandar Bertam Perdana, Kepala Batas.*

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**BERMULA** dengan menjual barangan tekstil seperti cadar, langsir dan keperluan rumah yang lain secara kecil-kecilan, perniagaan Augy Global Marketing Sdn. Bhd. (Augy) kini berkembang maju seperti yang boleh dilihat pada hari ini.

Pengarah Urusan Augy, **ROSNIZAM ISHAK**, 48, memberitahu bahawa beliau kini mengusahakan dua jenis perniagaan iaitu perkhidmatan pengilangan kontrak (OEM) untuk produk biskut raya dan kafe berasaskan pencuci mulut dekat Pusat Bandar Bertam Perdana, Kepala Batas.



**ROSNIZAM Ishak.**

Rosnizam menyatakan bahawa beliau memfokuskan perniagaan dalam industri makanan dan minuman (F&B) bermula pada tahun 2017, selepas perniagaan tekstil mula merosot ekoran perkembangan teknologi yang semakin canggih.

"Sebenarnya, saya mulakan perniagaan pada tahun 2008 lagi dengan menjual barangan tekstil untuk perhiasan rumah seperti cadar, langsir dan barangan berkaitan kain menggunakan kaedah katalog.

"Apabila masuk ke tahun 2015, sambutan terhadap perniagaan katalog mula berkurangan susulan perkembangan platfrorm dalam talian seperti *Shopee, Lazada, Tik Tok* dan lain-lain.

"Keadaan ini menyebabkan saya mula kehilangan ramai pelanggan kerana perniagaan menggunakan katalog sudah ketinggalan," katanya sambil menambah bahawa ketika itu beliau mempunyai kira-kira 9,000 ejen di seluruh negara.

Menurut Rosnizam, beliau memulakan perniagaan F&B dengan menjual produk biskut raya yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan tempatan dengan memfokuskan bidang jualan dan pemasaran.

"Pada masa sama, saya turut menghasilkan biskut raya sendiri di bawah jenama Augy di samping memasarkan produk-produk usahawan lain.

"Pada permulaannya agak sukar kerana saya kurang pengalaman dalam bidang F&B, tetapi saya tetap teruskan juga sehinggalah berlakunya pandemik COVID-19 pada penghujung tahun 2019.

"Ketika itu, saya merasakan bahawa agak sukar untuk meneruskan perniagaan dengan menjual dan memasarkan biskut raya semata-mata kerana persaingan yang semakin sengit saban hari.

"Jadi saya mengambil inisiatif mula menawarkan perkhidmatan OEM kepada mereka yang mahu menjadi usahawan dan mencipta produk biskut raya sendiri," katanya yang merupakan graduan dalam bidang kejuruteraan mekanikal di sebuah institusi pendidikan di Jepun.

Tidak terhenti di situ, Rosnizam memberitahu bahawa pada tahun 2024, beliau memulakan pula perniagaan kafe berasaskan pencuci mulut dikenali sebagai *Factory Dessert & Cafe* sebagai satu lagi strategi pemasaran produk biskut raya Augy.

"Saya mulakan perniagaan kafe dengan menawarkan tiga jenis pastri iaitu *cromboloni, croissant* dan biskut kerana matlamat saya adalah hendak orang ramai tahu bahawa di Bertam juga terdapat kilang menghasilkan biskut raya.

"Namun begitu, bahan-bahan untuk menghasilkan pastri amat sukar untuk didapati di Pulau Pinang sehingga saya terpaksa berulang-alik ke Kuala Lumpur bagi mendapatkan barangan yang diperlukan.

"Oleh itu, saya memutuskan untuk menghasilkan pastri sendiri dan mengedarkannya ke kafe-kafe di seluruh Pulau Pinang atau mereka yang mahu menganjurkan sebarang majlis," ulasnya lanjut.

Menurut Rosnizam, ekoran sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan, Augy bertindak membuka francais pertamanya di Kangar, Perlis yang mula beroperasi pada Januari tahun ini.

"Selain itu, satu lagi francais yang dibuka pada bulan Mac ini di Lebuh Chulia dekat George Town," jelasnya.

Ditanya mengenai cabaran, Rosnizam memaklumkan bahawa bidang F&B sememangnya mempunyai cabaran yang tersendiri terutamanya dalam konteks persaingan.





**KEPELBAGAIAN produk yang dipasarkan.**



**PROSES menghasilkan biskut raya.**

"Strategi pemasaran sentiasa berubah saban tahun, jadi saya perlu menjalankan promosi dengan lebih giat lagi di pelbagai platform dalam talian terutamanya *Facebook, Shopee* dan *Tik Tok*.

"Saya juga sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan pengeluran biskut raya yang mana ketika ini kami memasarkan lebih daripada 18 jenis biskut pada musim perayaan," katanya.

Menyentuh mengenai perancangan masa depan, Rosnizam berkata bahawa beliau berhasrat untuk memperluaskan lagi rangkaian perniagaan *Factory Dessert & Café* di samping meningkatkan pengeluaran biskut raya sebanyak yang mungkin.

"Kita sedang mencari sesiapa yang berminat untuk membuka francais, dan kita akan ajar semuanya bermula dari latihan dan bimbingan, jualan serta pemasaran termasuk mendapatkan pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya menutup bicara.

# JAGUH BOLING PADANG

## gigih buru pingat emas



MOHD. Firdaus Ab. Rahman menunjukkan pingat yang dimenangi pada Kejohanan Asia Boling Padang OKU Ke-4, Thailand.

**MOHD. FIRDAUS AB. RAHMAN**, 38, boleh dikatakan bintang bagi acara boling padang yang bukan sahaja menempa nama di negeri Pulau Pinang dan kebangsaan, malah juga peringkat antarabangsa.

Dalam Kejohanan Asia Boling Padang Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) Ke-4 yang berlangsung pada 14 hingga 21 Disember 2024 di Pusat Latihan Sukan Kebangsaan (Muak Lek), Saraburi, Thailand, beliau tidak pulang dengan tangan kosong.

Dalam temasya sukan tersebut, Mohd. Firdaus menyambar pingat emas bagi acara perseorangan lelaki B8 (kecatatan fizikal).

Selain pingat emas, beliau turut merangkul pingat gangsa bagi acara berpasangan lelaki B8, bersama-sama Mohamad Syamil Mohamad Fauzi (iaitu atlet dari negeri Perlis Indera Kayangan).

Pencapaian itu seumpama mengulangi kejayaan meraih pingat emas terakhir temasya Para Sukan Malaysia (Para Sukma) 2024 yang berlangsung pada hujung bulan September tahun lepas.

Semasa itu, Mohd. Firdaus meraih pingat emas selepas menafikan hasrat Mohamad Syamil yang terpaksa berpuas hati dengan pingat Perak menerusi keputusan 21-10, di Arena Lawn Bowls Sarawak, dekat Kuching.

Pada 14 Februari 2025, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** berpeluang menemu ramah Mohd. Firdaus secara dalam talian.

"Pada temasya Para SUKMA 2024, saya dan (Mohamad) Syamil berebut pingat emas.

"Dalam Kejohanan Asia Boling Padang Untuk OKU Ke-4 yang berlangsung di Saraburi, Thailand, saya dan (Mohamad) Syamil berjaya meraih pingat gangsa bagi acara berpasangan lelaki B8.

"Alhamdulilah, dalam temasya sukan di Thailand itu juga, saya berjaya meraih pingat emas bagi acara perseorangan lelaki B8 (kecatatan fizikal)," jelasnya sambil merakamkan penghargaan atas liputan susulan yang dibuat pihak Buletin Mutiara.

Difahamkan, Mohd. Firdaus yang cacat kekal tangan sebelah kiri sahaja sebenarnya bukanlah atlet sepenuh masa.

Pada sebelah siang, beliau membanting tulang sebagai juruteknik membaiki mesin basuh di Paya Keladi, Kepala Batas.

"Saya atlet sambilan sahaja, ada komitmen kerjaya.

"Kerana ada komitmen kerjaya pada sebelah siang, biasanya pada sebelah malam saya akan berlatih boling padang secara rutin.

"Untuk atlet para, memang tidak dibekalkan sebarang gaji, imbuhan atau elaun khusus, jadi sebab itu saya kerja sebelah siang.

"Walaupun kadang-kadang penat juga bekerja sebelah siang, saya tidak kisah sebab ada sasaran (iaitu) pingat emas dalam setiap temasya sukan yang saya berpeluang untuk sertai," ujarnya.

Bercerita lanjut, Mohd. Firdaus memberitahu bahawa beliau menjalani latihan lima atau enam sesi tiap-tiap minggu di arena boling padang, Kompleks Sukan MBSP, Bertam.

"Setiap sesi, pada sebelah malam, akan mengambil masa latihan lebih dua jam sahaja.

"Walaupun dihambat masa, kadang-kadang letih juga untuk memenuhi jadual, saya ada sasaran (iaitu) pingat emas," ulasnya lanjut.

Melihat ke hadapan, Mohd. Firdaus berkata ketika ini beliau sedang membuat persiapan merebut kejuaraan dalam beberapa temasya sukan peringkat antarabangsa antaranya Para Sukan ASEAN Ke-13 di Bangkok, Thailand yang dijadual berlangsung pada 20 hingga 26 Januari 2026.

"Dalam temasya itu, saya sasar pingat emas juga bagi acara perseorangan lelaki B8 (yang mana) pesaing terkuat adalah atlet para dari negara Korea Selatan.

"Selepas itu, kemungkinan ke Para Sukan Komanwel 2027 (iaitu) selepas berlangsungnya temasya Sukan Komanwel 2026 di Glasgow, Scotland, dari 23 Julai hingga 2 Ogos 2026," jelasnya.

Mengakhiri bicarawara, Mohd. Firdaus berharap Pihak Berkuasa Negeri, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan untuk menjana persiapan atlet paralimpik Pulau Pinang, seperti dinikmati oleh atlet bukan OKU.

"Macam Para Sukan Asia 2025 yang berlangsung pada 17 hingga 22 Mac ini, memang saya mengeluarkan perbelanjaan sendiri kerana tiada tajaan.

"Bukan untuk saya sahaja, tetapi untuk semua atlet paralimpik negeri, kalau boleh diberi tumpuan sama seperti atlet 'biasa' (yang bukan OKU) dari segi tajaan memandangkan mereka juga banyak menyumbang pingat serta mengharumkan nama negeri dan negara di persada antarabangsa," serunya.



BANGGA berdiri di podium juara kejohanan.



AKSI di medan pertempuran.

# Warung Ghumah Lama
## ketengah tema unik




KONSEP unik yang berjaya mencuri tumpuan pelanggan.

CORAK kain batik yang dicetak pada beberapa helai kanvas bersaiz besar sebagai hiasan utama menjadikan Warung Ghumah Lama dekat Tasek Gelugor kelihatan unik dengan cara yang tersendiri.

Pelanggan yang berkunjung bukan sahaja dihidangkan dengan pelbagai pilihan juadah yang menarik, malahan mereka turut dihiburkan oleh alunan lagu-lagu Melayu klasik dan tradisional sebagai peneman ketika sedang menjamu selera di situ.

Kafe unik tersebut diusahakan oleh sepasang suami isteri muda, **MUAZ MUHAMMAD**, 37, dan **SALMIAH SHAFINAZ AZMI**, 34, sejak setahun yang lalu.

Baru-baru ini, penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** berkesempatan menemu bual pasangan suami isteri berkenaan untuk berkongsi pengalaman dan impian mereka dalam perjalanan perniagaan kafe makanan.

Memulakan bicara, Muaz memberitahu bahawa dia dan isteri pada mulanya tidak pernah berhasrat untuk membuka sebuah kafe memandangkan latar belakang pendidikan kedua-duanya langsung tidak berkait dengan industri makanan dan minuman (F&B).

Namun, beliau menyatakan bahawa penularan pandemik COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 telah mengubah segalanya dan membawa kepada kewujudan kafe Warung Ghumah Lama yang ada pada hari ini.

"Sebenarnya sebelum ini kami menjalankan perniagaan percetakan dan tidak pernah terfikir untuk membuka sebuah kafe kerana kami berdua tidak mempunyai latar belakang bidang masakan.

"Saya sendiri merupakan graduan dalam bidang grafik komunikasi dari Universiti Sains Malaysia (USM) manakala isteri pula mempunyai kelulusan dalam bidang pengurusan dari Kolej Poly-Tech MARA (KPTM).

"Namun begitu, keadaan telah membawa kami ke sini dan tidak sangka pula perniagaan kafe ini menerima sambutan menggalakkan hanya selepas sebulan dibuka kepada pelanggan," katanya ketika ditemui pada 19 Februari lalu.

Mengimbau kembali perjalanan perniagaan Warung Ghumah Lama, Muaz memberitahu bahawa idea untuk membuka perniagaan tersebut hadir selepas mereka menerima peralatan bantuan perniagaan yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Sebelum itu, kami ada menjual daging salai dan rendang sejuk beku di pasar malam sekitar Pongsu Seribu, dan setiap kali tiba musim perayaan sebagai mata pencarian sampingan.

"Selepas berlaku PKP, perniagaan pasar malam tidak dapat dijalankan dan pada masa sama kami menerima bantuan berbentuk peralatan memasak daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Bermula dari situlah, kami mula mendapat ilham untuk menjalankan perniagaan makanan dengan menjual daging salai dan kemudian membuka sebuah kafe yang kami namakan sebagai Warung Ghumah Lama," katanya.

Menurut Muaz, perniagaan Warung Ghumah Lama bermula pada Januari 2024 dengan mengetengahkan konsep tradisional.

"Apa yang menjadi pertimbangan kami pada masa itu adalah tempat, dan kami memutuskan untuk memanfaatkan ruang kosong yang dipenuhi semak-samun di belakang premis perniagaan percetakan sebagai lokasi untuk membuka sebuah kafe.

"Dari segi hidangan pula, kami memilih hidangan sarapan pagi memandangkan setiap hari isteri saya perlu menyediakan makanan kepada anak-anak untuk ke sekolah.

"Antara juadah popular yang menjadi pilihan kebanyakan pelanggan di sini adalah lontong rendang daging salai dan roti bakar," jelasnya.

Menyentuh mengenai konsep, Muaz memberitahu bahawa dia dan isteri memilih tema tradisional kerana mahukan sedikit kelainan.



ANTARA juadah berserta menu istimewa yang ditawarkan kepada pelanggan.

"Kelengkapan untuk perhiasan kafe pula hanya menggunakan barangan terpakai yang didapati di kawasan sekitar yang disusun atur sehingga menghasilkan tema yang unik ini.

"Tidak sangka pula tema tradisional yang kami ketengahkan menerima sambutan menggalakkan pelanggan dan mereka mula menyebarkan maklumat mengenai kafe kami melalui pelbagai platform media sosial terutamanya *Tik Tok*," katanya.

Muaz berkata, beliau dan isteri tidak hanya berpuas hati setakat itu apabila mereka sentiasa berusaha untuk menambah baik juadah yang disediakan kepada pelanggan.

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Muaz memberitahu bahawa dia dan isteri mempunyai impian untuk mengembangkan lagi perniagaan tersebut.

"Kami ada perancangan untuk memindahkan kafe ini ke lokasi yang lebih luas demi keselesaan pengunjung, tetapi konsep tradisional ini akan dikekalkan kerana ia sudah menjadi identiti perniagaan kami.

"Selain itu, kami juga merancang untuk membina sebuah dewan yang sesuai untuk menjalankan sebarang majlis dalam tempoh empat atau lima tahun akan datang," katanya yang kini dibantu oleh lima kakitangan.

Selain lontong dan roti bakar, Warung Ghumah Lama turut menawarkan menu-menu istimewa lain seperti nasi lemak, sate goreng serta makanan barat.

Perniagaan Warung Ghumah Lama beroperasi dari jam 7 pagi hingga 12.30 tengah hari pada setiap hari Selasa hingga Ahad dan ditutup pada Isnin. Sebarang pertanyaan boleh hubungi talian 013-464 7744 atau layari laman sosial Warung Ghumah Lama di laman *Facebook*, *Instagram* dan *Tik Tok*.



MUAZ Muhammad dan isteri, Salmiah Shafinaz Azmi.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
